

---

Title	Pengajaran tatabahasa
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

**SEMINAR PENGAJARAN BAHASA  
DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH**

anjurkan Kementerian Pelajaran Singapura

**PENGAJARAN TATABAHASA**

= Haji Muhammad Ariff Ahmad

**1. Mukadimah**

Semenjak tahun 1974, sudah tiga kali guru-guru bahasa Melayu sebagai bahasa kedua terlibat dengan Seminar Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah:

pertama: seminar 3 hari (4, 5 dan 6 Jun 1974) anjuran Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Kementerian Pelajaran Singapura, di Sekolah Menengah Maju;

kedua: seminar 2 hari (24 dan 25 April 1982) anjuran Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, di Institut Pendidikan;

ketiga: seminar 2 hari (hari ini dan esok) anjuran Unit Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran Singapura dan Jawatankuasa Pusat Guru-guru Bahasa Melayu, di sini – di Maktab Rendah Anderson.

Kebetulan, dalam kedua-dua seminar sebelum ini, saya telah diminta mengemukakan kertas kerja yang mengenai pengajaran bahasa Melayu. Dalam seminar pertama telah saya kemukakan kertas mengenai "Masalah Pengajaran Bahasa Melayu (sebagai bahasa kedua) dan Cara Mengatasinya" dan dalam seminar kedua pula telah saya kemukakan kertas mengenai "Kaedah Mengajarkan Tatabahasa".

Dalam kertas kerja saya ke seminar kedua itu telah saya lampirkan rumusan seminar pertama mengenai "Pengajaran Tatabahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua" yang terbit dari kertas kerja yang dikemukakan oleh Encik Abdullah H A Hadi, untuk perhatian dan pertimbangan para peserta seminar<sup>1</sup>

1. Rumusan itu dilampirkan juga di akhir kertas kerja ini.

ke muka surat 2.

Pada himat saya: 26 petunjuk yang dirumuskan oleh Bengkel 5 [yang membincangkan kertas kerja Encik Abdullah H A Hadi] dalam seminar pertama itu, iaitu 10 cara latihan, 4 langkah yang harus dijalankan, 5 kaedah membaiki penggunaan bahasa menerusi kegiatan lisan dan 7 cara membiasakan penggunaan imbuhan dengan betul, adalah lebih daripada memadai untuk dijadikan panduan guru-guru mengajarkan tatabahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Peserta-peserta di Bengkel 5 itu telah juga bersetuju bahawa kaedah yang paling sesuai bagi mengajarkan tatabahasa di sekolah-sekolah ialah kaedah 'tatabahasa fungsional' iaitu mengajarkan tatabahasa menerusi contoh-contoh penggunaannya dengan cara yang betul.

Dengan tatabahasa fungsional, pelajar-pelajar tidak didedahkan atau dihadapkan secara langsung dengan istilah-istilah, dengan rukun dan syarat, juga dengan hukum dan pantang larang tatabahasa. Pelajar-pelajar hanya ditunjukkan kemudian diarahkan supaya mengikuti contoh-contoh bentuk kata, frasa, klausa dan ayat-ayat yang betul menurut tatabahasa.

## 2. Guru Bahasa

Pengajaran/Pembelajaran melibatkan tiga hal iaitu pengajar, pelajar dan pelajaran. Dalam hal yang kita bincangkan ini: 'pengajar' ialah guru bahasa, 'pelajar' ialah murid-murid di sekolah rendah yang sedang belajar bahasa, dan 'pelajaran' pula ialah tatabahasa.

Robert Lado telah menggariskan kelayakan minima bagi seseorang guru bahasa. Guru bahasa haruslah sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan tentang bahasa, tentang linguistik, tentang kebudayaan dan tentang metodologi<sup>2</sup>

2. Baca 'Language Teaching' – Robert Lado, McGraw Hill 1964.

ke muka surat 3.

### pengetahuan tentang bahasa

Paling tidak, guru bahasa harus mempunyai pengetahuan tentang bahasa yang lebih daripada yang dipunyai oleh para pelajarnya. Guru bahasa haruslah mengetahui serta sentiasa mengguna dan mengajarkan bahasa baku (standard) bukan bahasa tuturan (colloquial) walaupun pengetahuan tentang dialek amat baik untuk memperbanding dan memperkaya bahasa.

### pengetahuan tentang linguistik

Pandai bertutur sahaja tidak memadai untuk menjadi guru bahasa. Natif bahasa belum tentu dapat mengajar atau memandu pelajar bahasa kecuali ia dapat menghurai dan memaparkan pelbagai unsur fakta bahasa itu.

Guru bahasa harus mengetahui dan dapat menganalisis sistem fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik melalui linguistik kerana linguistik menganalisis data-data bahasa secara sistematis dengan menggunakan pemerhatian yang objektif.

### pengetahuan tentang kebudayaan

Guru bahasa harus faham tentang hubungan rapat bahasa dengan kebudayaan. Pelajar-pelajar tidak dapat "menyelami" bahasa yang dipelajari tanpa menemui perbezaan-perbezaan 'makna budaya' kerana kebanyakan makna yang dinyatakan oleh bahasa adalah ditentukan oleh kebudayaan.

Guru bahasa harus mengetahui sedikit sebanyak tentang pola-pola dasar pemikiran, kepercayaan dan tradisi; tahu pula menilai kelakuan dan cara hidup manusia untuk mencapai kesempurnaan yang bererti.

Untuk memahami kebudayaan, guru bahasa harus mengetahui sekadarnya tentang sejarah, ilmu alam dan asal usul manusia penutur bahasa yang diajarkan itu. Pengetahuan ini penting untuk mencapai kemampuan profesional guru bahasa itu.

### pengetahuan tentang metodologi

Oleh kerana para peserta seminar ini terdiri daripada guru-guru yang terlatih, yang telah lulus dari maktab perguruan, maka kepentingan metodologi dalam pengajaran apa pun tidaklah perlu saya sarankan di sini. Kertas kerja ke-5 seminar tahun 1974 [yang rumusannya dilampirkan di kertas kerja ini] dan kertas kerja yang saya kemukakan dalam seminar tahun 1982 itu bolehlah dikaji semula jika perlu.

### 3. Pengajaran Bahasa

"Anggapan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa ibunda orang-orang Melayu, lantas secara automatik [bahasa itu] akan dapat serta mudah dikuasai [oleh orang Melayu] adalah anggapan yang merugikan dan tidak sepatutnya dibiarkan. Perlu sekali diinsafi bahawa bahasa Melayu intelektual adalah bahasa yang hidup, berkembang dan bersistem, dan seharusnya dibezakan daripada bahasa Melayu colloquial iaitu bahasa lisan yang digunakan semata-mata sebagai alat komunikasi umum dan tak formal. Dalam konteks pengajaran dan pembelajarannya kita menumpukan perhatian hanya kepada tahap penguasaan bahasa yang formal, yang punya sifat keintelektualan," kata Prof Madya Dr Farid Onn<sup>3</sup>.

Matlamat umum pengajaran bahasa jelas dinyatakan di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu bagi murid-murid sekolah rendah yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Singapura pada

3. Lihat kertas kerja ke-4 "Linguistik dan Pengajaran Bahasa Melayu" – seminar pengajaran bahasa Melayu anjuran KGMS, pada 24 dan 25 April 1982.

pada tahun 1981, iaitu 'pada akhir pengajian di sekolah rendah pelajar-pelajar akan memperolehi kemahiran-kemahiran mendengar (memahami apa yang didengar), bercakap, membaca dan menulis (mengarang) dengan bahasa yang baik'<sup>4</sup>.

Bahasa Melayu yang baik itu pastilah dimaksudkan 'bahasa Melayu intelektual'; bahasa Melayu yang standard, iaitu bahasa Melayu yang bertatabahasa.

Sekarang, situasi pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah sudah berbeza dengan situasi pengajaran dalam tahun 1974. Sekarang, pelajar-pelajar bahasa itu bukan lagi terdiri daripada pelajar-pelajar bukan Melayu, tetapi ialah pelajar yang bahasa Melayu adalah bahasa ibundanya.

Bagaimanapun, kekacauan-kekacauan linguistik yang dialami oleh pelajar-pelajar itu menerusi sekitaran dan pergaulannya sehari-hari [pergaulan dengan datuk neneknya yang masih menggunakan bahasa colloquial; pergaulan dengan ibu bapanya yang terpelajar 'Inggeris'; dengan teman-teman seflatnya yang menganut pelbagai sistem bahasa ibunda dan dengan rakan-rakannya di kelas tadika] menghambat juga kelancaran pengajaran bahasa untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam Sukatan Pelajaran tadi.

Yang demikian, tugas guru bahasa yang awal dan berterusan ialah memerangi kekacauan atau kecamuk linguistik pelajar-pelajar itu: penyalahgunaan kekata, penyalahsusunan struktur haruslah dihakiskan lebih dahulu, sebelum dan sambil menunjukkan contoh bahasa yang baik, yang standard.

Perkataan-perkataan seperti:

- Awak tinggal kat mana?

4. Lihat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk sistem pelajaran baru bagi Kursus Bersama (P1-P3), Kursus Biasa (P4N-P6N), Kursus Lanjutan (P4E-P8E) dan Kursus Ekabahasa (P4M-P8M).

- Saya simpan duit dekat POSB.
- Dia letak makanan itu tempat lemari.
- Itu buku abang saya punya.
- Bapa, ada baik?
- Saya punya abang sudah dapat sakit.

dan lain-lain yang seumpamanya hendaklah dibetulkan terlebih dahulu, menjadi:

- Di manakah awak tinggal?
- Saya menyimpan wang (duit) di POSB.
- Dia meletakkan makanan itu di dalam almari.
- Itu buku abang saya.
- Apa khabar, Pak?
- Abang saya sedang sakit.

sebelum atau sambil mengajar menggunakan kekata-kekata ber-imbuan atau pola-pola ayat tunggal, ayat majmuk ataupun ayat kompleks.

Biasakan pelajar-pelajar menggunakan bahasa yang baik dan menggunakan ayat-ayat yang betul dengan menggunakan 'jadual pergantian', misalnya:

contoh 1

	guru	Ahmad guru.
	pelajar	Ahmad pelajar.
Ahmad	orang Melayu	Ahmad orang Melayu.
	lelaki	Ahmad lelaki.
	pandai	Ahmad pandai.

contoh 2

Minah		Minah pelajar.
Li Ming		Li Ming pelajar.
Mereka	pelajar	Mereka pelajar.
Adiknya		Adiknya pelajar.

contoh 3

		ubi	
	membeli		rebus
Abdullah		pisang	
	makan		goreng
		mi	

menjadi ayat-ayat:

- Abdullah membeli ubi rebus.
- Abdullah makan ubi rebus.
- Abdullah membeli pisang rebus.
- Abdullah makan pisang rebus.
- Abdullah membeli mi rebus.
- Abdullah makan mi rebus.
- Abdullah membeli ubi goreng.
- Abdullah makan ubi goreng.
- Abdullah membeli pisang goreng.
- Abdullah makan pisang goreng.
- Abdullah membeli mi goreng.
- Abdullah makan mi goreng.

Jadual Pergantian seperti yang dicontohkan di atas boleh juga digunakan untuk melatih pelajar-pelajar menggunakan frasa atau klausa yang betul. Jadikan pola-pola pergantian itu sebagai alat melatihtubi pelajar-pelajar meningkatkan pengingatan dan kemahirannya dalam menggunakan bahasa yang betul tatabahasanya. Gunakan kaedah ini dalam latihan-latihan mendengar, bercakap, membaca dan menulis (mengarang) sehingga para pelajar terbiasa menggunakan struktur bahasa yang betul dalam semua lapangan kegiatan bahasanya.

Setelah para pelajar mahir dengan penggunaan struktur ke-kata, frasa, klausa dan ayat yang betul, jika dirasakan perlu bolehlah pula mereka disuguhi secara beransur-ansur dengan keterangan dan huraian tentang hukum-hukum tatabahasa untuk mengukuhkan keyakinan dan pegangan mereka terhadap penggunaan bahasa yang gramatikal (bertetabahasa).